

10/01/2003

PM rasmi pameran imbas hidup nomad

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam melancarkan pameran yang memaparkan imbasan dunia kehidupan masyarakat nomad, pertama seumpamanya di rantau ini, di Muzium Kesenian Islam di sini.

Bertemakan 'Menjangkau batasan: Khemah-khemah dunia Islam', ia turut mendedahkan pelbagai kesenian dan kerja tangan yang memberi makna kepada corak yang berkait rapat dengan kehidupan pindah-randah masyarakat nomad yang kerap disalah tafsir dan semakin dilupakan.

Berucap pada majlis itu, Perdana Menteri berkata pameran kehidupan masyarakat nomad itu amat berguna bagi mengetahui mengenai sejarah mereka yang hidup dalam khemah serta mentaliti mereka.

"Khemah membolehkan mereka bergerak mencari tanah sesuai untuk tanaman dan bagi mengelilingi kawasan sekitar untuk mendapat rumput bagi binatang ternakan. Khemah juga dikaitkan secara umumnya dengan orang Islam.

"Ramai orang Islam tinggal di gurun dan kebanyakannya adalah gembala. Apabila mereka bergerak bagi mencari makanan rumput untuk binatang, mereka turut membawa bersama khemah," katanya.

Hadir sama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Pengarah Muzium Kesenian Islam Malaysia, Syed Mohamad Albukhary dan Pengarah Muzium Etnografi, Hamburg, Jerman, Prof Dr Wulf Kopke. Dr Mahathir kemudian meluangkan masa meninjau pameran itu.

Dr Mahathir berkata, beliau pernah melihat khemah di padang pasir termasuk di negara Arab dan sebahagiannya diperbuat daripada kulit binatang manakala yang lainnya daripada kain menyebabkan khemah itu mudah dialih.

Katanya, di Asia Tengah, struktur binaan untuk khemah adalah lebih kukuh, tetapi ia juga masih boleh dipindah dan dibina semula dalam tempoh beberapa minit saja.

"Ia adalah cara hidup yang menarik, menikmati kehidupan selesa atau tidak selesa di kawasan terbuka. Bagaimanapun, kini orang lebih berminat untuk tinggal di bangunan yang tetap. Tetapi kita harus memikirkan bagaimana rupa bentuk kehidupan orang dalam khemah.

"Saya harap pameran ini akan memberi pendidikan berguna kepada orang ramai bagi mengetahui sejarah kehidupan masyarakat yang berpindah-randah," katanya.

Pameran dengan kerjasama Muzium Etnografi Hamburg itu diadakan empat setengah bulan yang dibuka kepada orang ramai mulai hari ini. Ia dibuka mulai jam 10 pagi hingga 6 petang dengan bayaran masuk RM8 bagi orang dewasa dan RM4 bagi pelajar dan warga tua.

Pelajar beruniform dalam kumpulan 30 orang dikenakan bayaran RM3 seorang dan kanak-kanak bawah enam tahun adalah percuma.

Dalam usaha menggalakkan pemahaman dan komunikasi melalui perkongsian seni dan budaya di peringkat antarabangsa, muzium itu turut melancarkan pameran sampingan bertajuk 'Sesuatu pendedahan: Hasil-hasil kerja El-Wakil dalam konteks tradisi kehidupan'.